

Hai O Marketing suntik RM1 juta bantu anak yatim



WAKIL Hai-O Marketing bergambar bersama penghuni rumah anak yatim selepas penyerahan cek sumbangan Hai-O Marketing berjumlah RM15,000 untuk Rumah Amal Baitul Kasih.

SUNGAI BULUH: Syarikat Sjualan langsung, Hai O Marketing Sdn Bhd menyuntik dana RM1 juta sebagai modal permulaan bagi membantu golongan miskin dan anak yatim menerusi badan kebajikannya, Yayasan Hai O Marketing (YHOM).

Ditubuhkan sejak setahun lalu, YHOM kini menyalurkan sebahagian keuntungan diperoleh daripada hasil jualan langsung kepada empat rumah anak yatim sekitar Lembah Klang sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan keperluan.

Pengurus Pemasarannya, Khairul Anuar Shamsudin,

berkata usaha itu adalah sebahagian daripada khidmat masyarakat Hai O Marketing kepada golongan memerlukan dengan menyalurkan sebahagian keuntungan syarikat ke YHOM.

"Selaras falsafah syarikat yang bertemakan, 'Dari Masyarakat Untuk Masyarakat', sebahagian keuntungan disalurkan untuk tujuan kebajikan," katanya.

Khairul ditemui selepas menyampaikan cek bernilai RM15,000 kepada rumah anak yatim, Baitul Kasih di Bukit Rahman Putra baru-baru.

Hadir sama, Pengetua

dan Pengasas Baitul Kasih, Ummu Liza Abu Bakar; Eksekutif Pemasaran Hai O, Norliza Mohd Zain; dan wakil Yayasan cawangan Taipan 181 yang diketuai Kartini Mat Yaakub.

Ummu Liza yang ditemui berkata, pihaknya berterima kasih dengan sumbangan diterimanya itu dan ia akan digunakan untuk membeli kelengkapan pembelajaran seperti komputer sebagai usaha mempertingkatkan prestasi akademi 33 penghuninya.

"Baitul Kasih ditubuhkan sejak setahun lalu dengan 33 anak yatim termasuk lima



ANTARA penghuni Rumah Amal Baitul Kasih di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh.

kurang upaya berusia empat hingga 17 tahun. Lima daripada penghuni di sini adalah kanak-kanak kurang upaya yang mengalami kecacatan fizikal.

"Selain anak yatim, Baitul Kasih turut menyumbang keperluan asas seperti beras, tepung

dan gula setiap bulan kepada ibu tunggal iaitu 12 balu dan empat janda. Setiap bulan sejumlah RM 8,000 diperlukan untuk keperluan harian. Bagaimanapun, Pusat Zakat menyumbangkan RM 15,000 setahun kepada rumah ini," katanya.